

29/03/1998

Lucut jawatan jika langgar disiplin

Hassan Omar

AIR HITAM (Kedah): Jawatankuasa Pengurusan dan Pemilihan Umno akan melucutkan jawatan pemimpin cawangan dan bahagian yang sudah memenangi pemilihan jika didapati bersalah melanggar disiplin parti.

Ia kerana aduan terhadap pemimpin cawangan atau bahagian yang didakwa terbabit dalam pelbagai aspek menyalahi disiplin parti seperti politik wang, memberi hadiah dan seumpamanya akan terus disiasat.

Jika aduan berkenaan mampu dibuktikan, jawatan pemimpin terbabit akan dilucutkan meskipun cawangan atau bahagian mereka sudah selesai mengadakan persidangan.

Sepanjang pemilihan peringkat cawangan dari 12 Februari hingga 15 Mac lalu dan peringkat bahagian dari 12 Mac hingga esok, jawatankuasa itu sudah memanggil 100 ahli Umno di seluruh negara untuk disoal siasat berhubung dakwaan melanggar disiplin parti.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata cawangan atau bahagian berkenaan tidak perlu mengadakan pemilihan semula kerana jawatan kosong itu akan diambil alih oleh penyandang jawatan kedua tertinggi selepas satu-satu jawatan.

"Contohnya, jika ketua Umno bahagian didapati bersalah, maka timbalannya akan memangku jawatan itu... jika timbalan pula yang didapati bersalah, naib ketua bahagian pula akan memangku jawatan itu."

"Setakat ini, tindakan terhadap pemimpin bahagian yang didapati bersalah ialah dilucutkan hak bertanding kerana pemilihan masih berjalan hingga esok (hari ini)," katanya selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Jerlun, di sini semalam.

Turut hadir ialah Ketua Umno bahagian, Datuk Hanafi Ramli yang menang tanpa bertanding.

Bagaimanapun, beliau enggan menjelaskan sama ada sudah ada pemimpin cawangan yang dipilih dalam mesyuarat sepanjang tempoh itu yang dilucutkan jawatan.

Semalam, akhbar melaporkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran, Umno akan kalah dalam pilihan raya umum jika rakyat yang bukan ahli parti itu memandang jijik imej Umno.

Presiden Umno itu berkata, sudah ada orang yang mula benci serta memandang jijik parti itu dan pemimpinnya kerana terlalu ghairah merebut jawatan dalam parti dengan melakukan rasuah.

Sejak minggu lalu, Badan Pencegah Rasuah (BPR) dilaporkan menahan ahli Umno di beberapa bahagian di seluruh negara untuk disoal siasat berhubung dakwaan rasuah ketika pemilihan peringkat bahagian.

Sabbaruddin juga berkata, aduan politik wang yang diterima jawatankuasa berkenaan sepanjang pemilihan kedua-dua peringkat Umno itu berkurangan berbanding pemilihan pada 1996.

Menurutnya, kesedaran mengenai bahaya politik wang di kalangan ahli Umno kini semakin meningkat dan ada pengadu yang datang berjumpa beliau dengan membawa wang yang didakwa digunakan sesetengah pemimpin untuk mendapatkan undi.

"Inilah ketelusan dalam Umno... kita tidak menyembunyikan sebarang amalan negatif dalam parti dan orang menghargai tindakan kita," katanya.

(END)